

27/07/1997

Nilai mata wang: Amerika simpati

KUALA LUMPUR: Amerika Syarikat tidak berfikir ada pakatan berkaitan spekulasi mata wang Asean, sejak beberapa minggu yang lalu, kata jurucakap Jabatan Negara Amerika Syarikat, Nicholas Burns, semalam.

Beliau berkata, Washington bersimpati dengan Asean berkaitan `serangan' mata wang itu, tetapi ia tidak mahu membuat spekulasi sama ada ahli kewangan yang berpangkalan di AS, George Soros adalah orang yang bertanggungjawab dalam perkara itu.

"Kami menghormati dia," kata beliau sambil menambah, Soros mempunyai `pengaruh' dan pelaburan kewangan di seluruh dunia.

"Tetapi, saya tidak mahu membuat spekulasi sama ada dia adalah orang yang bertanggungjawab di belakang masalah ekonomi di rantau ini," katanya ketika ditanya sama ada Washington sedar Soros adalah bertanggungjawab berkaitan spekulasi mata wang baht di Thailand, peso (Filipina), ringgit (Malaysia) dan rupiah (Indonesia) sejak beberapa minggu lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, `menunjuk jari' kepada Soros sebagai orang yang bertanggungjawab kepada `serangan' mata wang di rantau ini.

(END)